



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58
Bil. 8

14hb April 2005

*TAMBAHAN
No. 1*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 tahun 1965)

No. 355.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Taman Indah, Mukim Pengkalan Aor, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk wakaf tapak surau dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Pengkalan Aor. No. Pelan—P.A. 73679. No. Lot—6711. Luas—1234 meter persegi.

Bertarikh 9 Mac 2005

[PTG.Pk. 242/7-26(C); PTLM. 370/10/2000/06;
JU.Pk. 930 Jld. 9/(42); PU.Pk. 67/71-54 Jld. 3]

HAJI SHARAIN BIN TAKIN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Taman Indah, Mukim of Pengkalan Aor, District of Larut, Matang dan Selama described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for wakaf tapak surau and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

SCHEDEULE

District—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Pengkalan Aor. Plan No.—P.A. 73679. Lot No.—6711. Area—1234 square metres.

Dated 9 March 2005

[PTG.Pk. 242/7-26(C); PTLM. 370/10/2000/06;
JU.Pk. 930 Jld. 9/(42); PU.Pk. 67/71-54 Jld. 3]

HAJI SHARAIN BIN TAKIN
Secretary
State Executive Council
Perak

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

No. 356.

[Seksyen 8]

PERISYIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

[Section 8]

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Dengan ini diisyiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu yang diperlukan dalam Jadual di bawah ini dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan tanah di bawah perenggan 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] untuk Tapak Pencawang Pembahagi Utama dan Jalan Masuk Ke Tapak.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Land acquisition under paragraph 3(1)(b) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] for Tapak Pencawang Pembahagi Utama dan Jalan Masuk Ke Tapak.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

14hb April 2005]

425

2. Pelan tanah dan kawasan yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah dan kawasan itu.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Manjung. Mukim—Beruas.

No.	Hakmilik Lot Ukur	Atau Kependudukan	Tuan punya berdaftar atau penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan diambil
Survey Lot No.	Title or Occupation		Registered proprietor or recorded occupant	Area of Lot	Approximate Area To Be Acquired
	G.M. 282		Ani binti Hashim 1/2 bhg. dan Jaafar bin Yahaya 1/2 bhg.	HEKTAR 0.6349 (1.569 ekar)	HEKTAR 0.0391 (0.0966 ekar)
2277	1840		Abu Hanipah bin Uda Mohd. Noor 1/5 bhg., Hamidah binti Uda Mohd. Noor 1/5 bhg., Jamieh @ Jamiah binti Uda Mat Noor 1/5 bhg., Mohd. Ali bin Mohd. Noor 1/5 bhg. dan Ramlah binti Mohd. Noor 1/5 bhg.	0.6146 (1.519 ekar)	Semua bhg.

Bertarikh 18 Mac 2005

Dated 18 March 2005

[PTG.Pk. 180/2-4(C); PT.Mjg.DP1/2001;
PU.Pk. 67/71-37(28)]

DATO' HAJI MOHAMED HASHIM BIN KASMON
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak/
State Director of Lands And Mines Perak*

Hakcipta Pencetak(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA